



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

10 JULAI 2020 (JUMAAT)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

10 JULAI 2020 (JUMAAT)

DARI AJIL KE PUTRAJAYA

Khidmat saya untuk rakyat



Bersama Datuk Rosol Wahid



T

idak pernah saya berangan, tidak juga bermimpi untuk menjadi seorang Timbalan Menteri.

Yang saya tahu hanya untuk berbakti pada nusa dan bangsa terutama kepada rakyat Hulu Terengganu yang memilih saya.

Orang mungkin kata itu rezeki, tetapi bagi saya ia satu amanah dan tanggungjawab cukup besar. Bukan sahaja kepada rakyat dan kerajaan, tetapi lebih utama kepada Allah SWT yang akan mengadili saya kelak.

Terima kasih dan penghargaan tidak terhingga kepada bos saya, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang memberi kepercayaan saya menganggotai barisan Kabinetnya dan seterusnya menggalas tanggungjawab yang sungguh mencabar ini.

Perjuangan dalam arena politik peringkat Parlimen dan negeri selama lebih 20 tahun kini membawa saya ke peringkat Persekutuan. Gugup ada, gementar pun ada. Saya berdoa semoga Allah sentiasa membantunya diri ini dikurniakan rahmat yang begitu luas oleh Allah SWT dari segi kesihatan, keluarga dan kerjaya.

Saya memulakan tugas Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) selepas mengangkat sumpah pada 10 Mac 2020 lalu dengan tenang dan merangka beberapa pendekatan serta strategi ketika itu. Walaupun Covid-19 bermula, tidak pernah terlantas ia akan menghantui dan memberi kesan teramat hebat terhadap tugas ini.

Orang baru di peringkat Persekutuan, jawatan baru, kerajaan juga baru. Cabaran Covid-19 juga baru bukan sahaja kepada negara, tetapi seluruh dunia. Apabila kerajaan terpaksa melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), barulah saya tahu cabaran dan bahaya yang dihadapi.

Soal kesihatan rakyat, ekonomi yang terjejas teruk sehingga ramai kehilangan pekerjaan, urusi niaga perniagaan terpaksa ditutup, jentera kerajaan terkesan dan aktiviti sosial terpaksa dihentikan.

Rakyat terutama yang tidak pernah menempuh pengalaman darurat tersentak. Ia mewujudkan si-

tuasi panik lantaran salah ang- gapan PKP adalah perintah ber- kurung, ditambah pula berita palsu yang berlegar di media sosial.

Pada 18 Mac lalu mencatat se-jarah bagi negara kerana buat pertama kalinya rakyat dihadkan pergerakan bagi memutuskan rantaian penularan wabak Covid-19. Terdapat laporan pembelian panik di mana rakyat membeli barang keperluan dalam kadar berlebihan kerana takut terputus bekalan.

Pastinya itu memerlukan tinda-kan pantas! Saya dan pegawai pen- gkuatkuasa Kementerian terus tu- run padang membuat tinjauan di pasaraya besar di Cheras untuk melihat sendiri suasana pembelian panik pada hari ketiga PKP. Kekurangan bekalan serta pelbagai isu kepenggunaan berlaku pada peringkat permulaan namun Al- hamdullillah ia dapat ditangani se- cara tersusun oleh semua pihak termasuk agensi kerajaan dan se- luruh rantaian bekalan.

PKP meninggalkan kesan yang tidak pernah terfikir oleh kita. Te- tapi darinya juga saya cepat belajar berkenaan fungsi dan gerak kerja kementerian. Darinya juga saya menyaksikan sendiri betapa ilmu, kemahiran dan dedikasi tinggi da- lam memberikan perkhidmatan kepada rakyat.

Baru saya sedar betapa pegawai penguat kuasa KPDNHEP yang se- lama ini merupakan wira tidak didendang sepatutnya dinobatkan sebagai barisan hadapan juga. Al- hamdullillah kerajaan bersetuju de- ngan cadangan kementerian dan pengorbanan mereka kini diiktiraf kerajaan dan rakyat. Merekalah yang memastikan bekalan dan har- ga barang keperluan stabil sepan- jang PKP, PKPB, PKPD dan PKPP.

Masalah pengguna yang perlu diberi perhatian bukan saja di Se- mananjung, malah Sabah dan Sa- rawak. Saya bersama pegawai KPDNHEP saban minggu turun padang ke serata pelosok tanah air untuk melihat dan mendengar

sendiri denyut nadi masyarakat pengguna dan peniaga. Dari pusat pengedaran, pasar awam, pasar borong dan pasaraya, kilang pem- bungkus minyak, LPG, roti dan pencuci sanitasi tangan hingga ke jeti pendaratan ikan. Semuanya harus dijejaki demi memastikan bekalan keperluan sentiasa mencukupi dan harga terkawal.

Isu kenaikan harga ayam yang mendadak ketika menjelang mu- sim perayaan dan sektor ekonomi dibuka semula semasa PKPB mem- beri cabaran lain kepada saya dan kementerian. Saya berjanji tidak akan menggunakan pendekatan 'kalau ayam mahal, jangan makan ayam'.

Saya membuat libat urus dan melawat sendiri pemborong, pem- belak ayam, pusat penyembelihan dan peruncit dan mengetahui pun- ca kenaikan harga. Saya tahu saya perlu mengimbangi kepentingan pengguna dan peniaga.

Sasaran pertama pengguna. Anda mesti menjadi pengguna bestari. Saya terkesan apabila pengguna sanggup ke pasar basah dan mem- beli ayam dengan harga mahal me- lebih RM9 sekilogram sedangkan pasaraya yang tidak sampai 700 me- ter dari pasar basah itu menjual pada harga RM6 sekilogram.

Dari situ saya lihat advokasi pen- guna bestari harus diperhebatkan. Justeru, saya harus menjadi *cham- pion* supaya orang ramai menggu- nakan aplikasi *Price Catcher* untuk membuat perbandingan harga dan dapat melakukan pembelian bijak untuk poket mereka.

Ketika saya memperkenalkan kembali aplikasi itu, ramai terkejut kerana kurang pendedahan me- ngenainya, malah ramai juga ber- terima kasih kerana mereka kini tidak lagi perlu pening kepala me- mikirkan premis dan lokasi untuk membeli barang keperluan pada harga berpatutan.

Dalam menepati Covid-19, saya bersyukur kerana Hulu Terengga- nu kekal sebagai zon hijau. Pun begitu, kebajikan penduduk di ka-

wasan tidak saya kesampingkan. Covid-19 memberi kesan ekonomi yang agak parah pada orang ke- banyakan.

Bantuan disalurkan kepada se- bahagian besar penduduk Hulu Te- rengganu yang memerlukan. Se- sungguhnya, jika bukan kerana 72,000 pengundi di Hulu Tereng- ganu tidak mungkin saya boleh sampai ke tahap ini. Saya percaya pemimpin yang baik juga adalah kerana rakyat yang selalu men- doakan pemimpinnya. Itu yang sa- ya harapkan.

Banyak perkara perlu dibuat un- tuk kesejahteraan rakyat. Kemu- dahan mesin ATM dan Bank Islam antara keperluan mendesak di ka- wasan perlu saya segerakan. Ban- gunan guna sama untuk pendu- duk mendapatkan perkhidmatan *one-stop centre*, kemudahan pen- gangkutan awam sedang saya usahakan untuk memudahkan urusan rakyat kawasan saya.

Sebagai rakyat Malaysia, ahli po- litik dan wakil rakyat, saya gembira dengan kehidupan yang dilalui. Ke- rajiaan di bawah kepimpinan Tan Sri Muhyiddin ikhlas dan bersung- guh-sungguh membantu rakyat menerusi pelbagai pendekatan dan skim. Pandemik Covid-19 memberi hikmah tentang wujudnya perpa- duan dan kesetiaan rakyat kepada negara. Rakyat lebih berminat men- dengar pengumuman atau mem- bicarakan kisah wabak penyakit ini berbanding soal politik picisan.

Ini terbukti apabila Malaysia di- umumkan sebagai antara empat negara teratas yang berjaya men- gawal pandemik ini. Kita kini me- lalui fasa pemulihan ekonomi PK- PP. Usaha kerajaan menggerakkan Pelan Jana Semula Ekonomi Ne- gara (Penjana) dan Pakej Ran- gangan Ekonomi Prihatin Rakyat (Prihatin) merupakan langkah ter- kedepan dalam memastikan rakyat pelbagai lapisan dapat bangkit se- muala mengharungi kehidupan.

KPDNHEP sendiri memulakan pelbagai inisiatif untuk membantu peniaga dan sektor peruncitan kem- bali berkembang antaranya mener- usi kempen besar-besaran, Kem- pen Beli Barangan Malaysia 2020 dan Kempen Jualan Malaysia 2020.

Empat bulan bukannya mudah. Banyak pahit getir dilalui. Apa yang rakyat rasa, itulah yang saya rasa. Berilah masa kepada saya, kementerian dan kerajaan untuk meneruskan rekod baik dalam tempoh empat bulan ini sehingga Malaysia benar-benar berjaya ke- luar dari pandemik ini.

#KitaJagaKita
 #KitaMestiMenang

Penulis ialah Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Ahli Parlimen Hulu Terengganu

Banyak pahit getir dilalui. Apa yang rakyat rasa, itulah yang saya rasa. Berilah masa kepada saya, kementerian dan kerajaan untuk meneruskan rekod baik dalam tempoh empat bulan ini sehingga Malaysia benar-benar berjaya keluar dari pandemik ini



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHRAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(AGENSI KPDNHEP)**

10 JULAI 2020 (JUMAAT)

Datuk mengaku tidak bersalah tipu MyIPO RM85 juta

KUALA LUMPUR - Seorang perunding sebuah institusi kewangan berpangkat Datuk mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan menipu Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dengan memperdaya pegawai kanannya supaya membuat pelaburan sebanyak RM85 juta pada tahun 2015.

Ahmad Azwan Aboo Mansoor, 50, yang hadir dengan memakai sut hitam membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Azman Ahmad.

Mengikut pertuduhan, Ahmad Azwan didakwa memperdayakan pegawai berkenaan supaya membuat pelaburan ke dalam skim BIMB i Fund (Money Market Instrument/Fixed Deposit) yang menjanjikan pulangan enam peratus sedangkan skim itu adalah BIMB i Dividen Fund yang merupakan pelaburan Unit Amanah.

Tertuduh didakwa dengan curangnya mendorong MyIPO untuk menyerahkan RM85,530,00 untuk dilaburkan dalam akaun BIMB yang didaftarkan atas nama BIMB Investment Management Berhad (i Dividend) yang mana MyIPO tidak akan berbuat demikian sekiranya tidak diperdayakan.

Tertuduh boleh dihukum di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksan (Akta 574) yang memperuntukkan penjara selama tempoh tidak kurang setahun dan tidak lebih 10 tahun dan dengan sebat dan boleh juga dikenakan denda, jika sabit kesalahan.

Dalam pada itu, dia juga mengaku tidak bersalah atas pertuduhan pilihan iaitu memalsukan kertas pembentangan bertajuk BIMB i-Fund (Money Market Instrument/Fixed Deposit) dengan niat supaya dokumen palsu itu digunakan bagi tujuan menipu yang mana menyebabkan kerugian sebanyak jumlah yang sama.

Bagi pertuduhan itu, beliau boleh dihukum di bawah Seksyen 468 Kanun Keseksan (Akta 574) yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga tujuh tahun dan hendaklah juga dikenakan denda, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohd 'Afif Ali mencadangkan agar tertuduh diberi ikat jamin sebanyak RM1 juta.